

09/01/2004

Bertindak cepat selesai isu (HL)

Mior Kamarul Shahid

JAKARTA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Presiden Megawati Sukarnoputri bersetuju menyelesaikan sebarang masalah membabitkan kepentingan bersama melalui pendekatan 'bertindak cepat' bagi mengelakkan salah anggap yang boleh merumitkan hubungan Malaysia-Indonesia.

Sebagai permulaan, Perdana Menteri, yang melakukan kunjungan hormat ke atas Megawati di sini semalam, berbincang mengenai isu keutamaan membabitkan isu peraturan perdagangan dan pembayaran dua hala, penyertaan pelaburan kedua-dua negara, perbatasan laut menerusi prinsip Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE), perbatasan darat di wilayah Sarawak dan Indonesia, isu rompakan di perairan kedua-dua negara termasuk di Selat Melaka serta penyeludupan kayu, manusia dan senjata.

Bagi isu perbatasan laut, kedua-dua pemimpin sependapat ia perlu berdasarkan kepada prinsip bahawa penambakan pantai tidak akan mengubah batas laut dan darat sebagaimana ditentukan ZEE.

Turut dibincangkan ialah isu tenaga kerja Indonesia ke Malaysia, kerjasama Petronas-Pertamina dan isu perdagangan selain soal kerjasama dua hala.

Bercakap pada sidang akhbar bersama selepas mengadakan rundingan lebih sejam di Istana Merdeka, Abdullah berkata:

"Kami bersetuju, jika perlu, bercakap melalui telefon dalam menghadapi masalah tertentu, maka kami akan melakukannya. Niatnya ialah supaya apa yang berlaku itu tidak menimbulkan salah tanggapan yang boleh merumitkan hubungan kita".

Abdullah mengadakan lawatan sehari ke Indonesia, lawatan keduanya selepas Brunei untuk menemui pemimpin Asean setelah mengambil alih pucuk pimpinan negara berikutan peletakan jawatan Tun Dr Mahathir Mohamad. Turut serta dalam lawatan itu ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Langkah segera pertama yang akan diambil ialah menyelesaikan Memorandum Persefahaman (MoU) berhubung pengambilan pekerja Indonesia ke Malaysia yang kini pada peringkat akhir. Ia dijangka dapat ditangani dalam tempoh sebulan atau dua bulan lagi.

MoU itu menyediakan dokumen bagi menyediakan garis panduan bagi memastikan pengambilan dan kehadiran pekerja Indonesia tidak menimbulkan masalah. Jika berlaku masalah sekalipun, ada mekanisme menerusi garis panduan yang disediakan untuk menyelesaikannya.

Abdullah berkata, Malaysia sebelum ini tidak mahu MoU itu ditandatangani kerana ada perkara lain mengenainya belum mendapat persetujuan bersama. Kedua-dua negara bersetuju untuk menandatangani perjanjian itu, yang kini dirumuskan pada peringkat akhir.

Di Kedutaan Malaysia di sini, segelintir rakyat Indonesia mewakili pertubuhan bukan kerajaan berkumpul dengan sepanduk yang ada kaitan dengan isu kemasukan pekerja Indonesia ke Malaysia. Mereka bersurai setelah dinasihatkan berbuat demikian.

Selain isu hubungan dua hala, kedua-dua pemimpin juga menyentuh soal serantau dan antarabangsa selain isu pengganas antarabangsa.

Perdana Menteri juga menegaskan pentingnya rundingan tahunan antara pemimpin kedua-dua negara dan suruhanjaya bersama Malaysia-Indonesia menentukan tarikh mesyuarat berjadual bagi mengelakkan sebarang kelewatan.

Katanya, ia amat penting bagi membincangkan sebarang masalah mengikut jadual dan mencari jalan menyelesaikan masalah segera, seterusnya menyediakan mekanisme pelaksanaan.

Perbincangan mengenainya boleh dijadikan maklum balas supaya tidak mengganggu pelaksanaan program yang dipersetujui bersama yang boleh membantu meningkatkan hubungan dua hala kedua-dua negara.

Megawati pula menyifatkan lawatan perkenalan Abdullah sebagai usaha meneruskan kelaziman yang sudah dikembangkan bagi rumpun bangsa Malaysia dan Indonesia.

Katanya, beliau dan Abdullah berikrar untuk terus meningkatkan hubungan persaudaraan dan kerjasama yang sudah terjalin selama ini.

Beliau juga berharap rundingan tahunan bagi pemimpin kedua-dua negara itu akan dapat diadakan di Indonesia sebagaimana ditetapkan setelah ia diadakan di Kuching bersama Dr Mahathir tahun lalu.